

31 JUL 2002

Mahathir-Minyak

KENAIKAN HARGA PETROL TAK BANYAK, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata harga bahan api seperti minyak petrol dan diesel tidak akan naik dengan kadar yang banyak.

"Harga petrol kalau naik tak banyak. Yang jadi masalah ialah kalau ia naik satu peratus, orang nak naikkan harga barang-barang lain sebanyak itu juga.

"Itu tak kena kerana input petroleum ke dalam apa jua perniagaan yang mereka lakukan hanya begitu kecil, mungkin paling banyak 10 peratus," katanya kepada pemberita selepas melancarkan kempen 'Utamakan Keluarga-Semakin Hari Semakin Sayang' oleh Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga di sini.

Dr Mahathir berkata: "Jadi kalau kenaikan satu peratus, dia punya kos petrol dalam perniagaan mereka ialah 10 peratus, ini bermakna mereka patut menaikkan harga mereka 0.1 peratus," katanya.

Bagaimanapun beliau berkata pihak yang berkepentingan hendak mencari alasan untuk menaikkan harga lebih daripada itu.

Semalam, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin dilaporkan sebagai berkata para pengguna akan membayar harga yang lebih untuk petrol, diesel dan gas petroleum cecair apabila kerajaan mula mengurangkan subsidi untuk bahan-bahan api itu.

Beliau berkata pengurangan subsidi itu akan dilakukan secara beransur-ansur dan tidak akan membebankan pengguna. Jumlah subsidi kini dianggarkan RM6 bilion setahun.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata kerajaan tidak bermaksud untuk menghapuskan sama sekali subsidi minyak walaupun hakikatnya negara kini menggunakan lebih banyak minyak berbanding dulu.

"Dulu ini kita guna (minyak) 300,000 tong sehari dan kita keluarkan 650,000 tong sehari. Jadi kita jual 350,000 tong, kita dapat keuntungan daripada itu dan kita gunakannya untuk subsidi 300,000 tong," katanya.

Perdana Menteri berkata Malaysia sekarang menggunakan minyak sebanyak 550,000 tong sehari dan hanya mempunyai 100,000 tong untuk dijual.

"Dan daripada 100,000 tong yang kita jual itu, kita tak dapat duit yang banyak sedangkan kita kena subsidi jumlah minyak yang lebih banyak.

"Jadi akhirnya sudah tentu ia tidak datang daripada petroleum. Ia datang daripada sumber lain," katanya.

Menjawab satu pertanyaan, Dr Mahathir tidak menjelaskan bila kenaikan harga minyak itu akan dibuat.

"Tak tahulah. Kita ada kajian tiap-tiap bulan harga petroleum. Sekarang ini pun tiap-tiap bulan tapi kita tak naik harga. Tapi mungkin kita terpaksa naik (harga) sikit," katanya.

-- BERNAMA

MAM ZS RON